

Draf Rancangan Tempatan MBPP 2035 perlu cadangan, maklum balas awam – Exco

BULETIN MUTIARA

Admin
February 5, 2024



GEORGE TOWN – Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jason Hng Mooi Lye berharap orang awam dan pihak berkepentingan dapat memberikan cadangan serta maklum balas pada program Publisiti Awal Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (DRT MBPP) 2035 dalam tempoh publisiti mulai 23 Januari sehingga 29 Februari 2024.

"Sejurus program publisiti awal dijalankan, sebuah Program Publisiti dan Penjertaan Awam akan dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dari semua pihak berkenaan.

"Oleh itu, saya ingin menyeru rakyat negeri Pulau Pinang untuk mengemukakan maklum balas dalam tempoh yang telah ditetapkan dan berharap hebaharan teras dilakukan melalui pengimbasan kod QR supaya tiada yang terlewat dalam memberikan pandangan dan cadangan," jelasnya pada Majlis Perancangan Program Publisiti DRT MBPP 2035 di sini pada 26 Januari 2024.



Jason Hng Mooi Lye

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi itu lagi, DRT MBPP 2035 dipamerkan di empat lokasi utama iaitu di Dewan Bandaraya MBPP, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Queensbay Mall dan Tingkat 3 Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar).

"Cadangan dan pandangan boleh dilakukan melalui Borang Bantahan yang dikemukakan kepada MBPP secara individu, berkumpulan atau persatuan," ujarnya.

Turut serta, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ir. A Rajendran, Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Sr. Cheong Chee Hong serta Pengarah Perancangan Pembangunan MBPP, T.P. Mohd. Bashir Sulaiman dan barisan Ahli-ahli Majlis MBPP.



Dato' Ir. A. Rajendran

Menjawab soalan pemberta selepas itu, Rajendran menyatakan bahawa DRT MBPP 2035 bakal memandu perancangan dan pembangunan di dalam kawasan pentadbiran MBPP untuk tempoh sehingga tahun 2035.

"DRT MBPP 2035 merupakan asas dan panduan dalam merancang serta mengawal pembangunan di kawasan Majlis selain berperanan dalam menterjemahkan wawasan, matlamat, strategi serta dasar-dasar pembangunan Negara dan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030.

"Selain itu, DRT MBPP 2035 turut menjadi rujukan kepada komuniti, pemilik tanah, pemegang taruh dan orang awam khususnya yang tinggal di daerah Timur Laut dan Barat Daya.

"Dengan siapnya DRT MBPP 2035 ini, maka lengkap perancangan di bahagian pulau di negeri ini.

"Justeru, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak ususeta dan agensi-agensi berkepentingan atas sokongan dan komitmen yang tinggi sehingga DRT MBPP 2035 dapat direalisasikan dengan laju," katanya lanjut.



SALAH satu pameran yang terdapat di Dewan Bandaraya MBPP dalam anj.

Oleh : NUR ASHIKIN ISMAIL
Gambar : SITI NURATIKAH RAHMAT

LIKE OUR FACEBOOK PAGE



OTHER NEWS



Belia dan remaja akan bergembira dengan sambutan Tahun Baru Cina. Mereka akan menikmati suasana perayaan yang meriah dan berbeza-beda.

February 4, 2024



Draf Rancangan Tempatan MBPP 2035 perlu cadangan, maklum balas awam – Exco



Ucapan persembahan kepada Pusat Transit Georgetown



World's Largest Monthly Festival in Penang Brings in \$400 million in economic benefits



Belia dan remaja akan bergembira dengan sambutan Tahun Baru Cina. Mereka akan menikmati suasana perayaan yang meriah dan berbeza-beda.

February 4, 2024



Draf Rancangan Tempatan MBPP 2035 perlu cadangan, maklum balas awam – Exco



Ucapan persembahan kepada Pusat Transit Georgetown



World's Largest Monthly Festival in Penang Brings in \$400 million in economic benefits

